

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[SOGIT PRACTICES ON MUSLIM SABAHANS IN NATIVE COURTS: A STUDY
FROM A LEGAL PERSPECTIVE]**

**AMALAN SOGIT KE ATAS ANAK NEGERI SABAH BERAGAMA ISLAM DI
MAHKAMAH ANAK NEGERI: KAJIAN DARI PERSPEKTIF HUKUM**

PG ISMAIL PG MUSA^{1*}
SITI ZUBAIDAH ISMAIL¹
NARIZAN ABDUR RAHMAN¹

¹Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, Kuala Lumpur

*Corresponding author: pgismailpgmusa@gmail.com

Received Date: 9 Januari 2018 • Accepted Date: 9 Sept 2018

Abstract

This study was conducted to determine the actual position of political syar'iyah from the perspective of Islam and its practices in the context of the state of Kelantan, especially in the field of art and entertainment. The study also followed up with the state government and police of the arts, as well as reforms carried out from 1990 to 2015. The focus of this research focuses on the application of the basic arts and entertainment through the enforcement of the Control of Entertainment and Places of Entertainment 1998, Cultural Performance Guidelines (entertainment) Act 1998 and Control of Entertainment Enactment 2003, which became the main purpose of the exercise of political syar'iyah. Analysis carried out on the action and reform the state government to the arts by syar'iyah political perspective. The study employs a library and analysis of official documents such as circulars, news, enactment and guidelines issued by the state government. The study found that ijthad and reforms undertaken during the period managed to bring about change and give the benefit to the community in Kelantan. It is hoped that this study can contribute to the enrichment of the cultural heritage of the Malay Muslims in accordance with the tenets and formation syar'iyah political capital of the arts and entertainment that coincide with Islamic law. We hope this study will help art researchers in the future.

Keywords: *Siasah Syar'iyah, arts, policy, Kelantan, Entertainment.*

Abstrak

Artikel ini bertujuan membincangkan konsep siasah syar'iyah, sejarah perkembangan kesenian, polisi kerajaan Kelantan terhadap siasah syar'iyah dan pelaksanaannya di negeri Kelantan. Secara khusus, fokus kajian ini dilakukan bermula semasa pemerintahan TGNA pada tahun 1990 sehingga sekarang. Kajian berbentuk analisis dokumen ini bersandar kepada pemerhatian terhadap dokumen rasmi kerajaan seperti surat pekeliling, warta, enakmen dan garis panduan

yang dikeluarkan oleh kerajaan Kelantan. Selain itu, data-data kajian juga turut disokong oleh pelbagai literatur lain seperti buku-buku ilmiah serta wacana-wacana ilmiah yang berkaitan. Hasil kajian mendapati tindakan dan pembaharuan yang dilakukan oleh kerajaan Kelantan dalam bidang siasah syar'iyah adalah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta ijtihad. Terdapat beberapa pembaharuan yang dianggap sebagai pra syarat untuk mengadakan sesuatu persembahan kesenian serta beberapa contoh perubahan dalam kesenian yang dipersembahkan di Kelantan selepas tahun 1990 hingga sekarang telah menunjukkan perubahan yang sangat ketara. Pelaksanaan dasar kesenian dan hiburan ini berjaya memberi kemaslahatan kepada rakyat, dan dalam masa yang sama ia juga berjaya mempertahankan beberapa nilai kesenian lama yang tidak bertentangan dengan Islam. Selain itu terdapat juga beberapa persembahan kesenian yang diberi roh Islam dari sudut pelaksanaannya untuk menjadi santapan hiburan terhadap masyarakat. Kajian ini menyumbang kepada pengkayaan khazanah seni dan hiburan Islam, menjadi model terhadap pelaksanaan hiburan dan selain itu ia dapat membantu para pengkaji seni untuk menambahkan ilmu dalam bidang kesenian Islam.

Kata kunci: kesenian, hiburan, enakmen, ijtihad dan masalah

Cite as: Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismai & Narizan Abdur Rahman. 2018. Amalan Sogit ke atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian dari Perspektif Hukum. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 19(1): 1-16

PENGENALAN

Dalam kejadian gempa bumi yang berpusat di Gunung Kinabalu pada Mac 2015, masyarakat antarabangsa dikejutkan dengan satu kepercayaan masyarakat Kadazan Dusun di Sabah, bahawa bencana tersebut berlaku kerana kemarahan dewa dan semangat yang menjaga Gunung Kinabalu akibat perbuatan berbogel oleh sekumpulan pelancong asing. Beberapa minggu selepas kejadian tersebut, sekumpulan pemimpin adat masyarakat setempat menjalankan upacara “menenangkan” semangat atau dewa yang menjaga Gunung Kinabalu dengan melakukan penyembelihan beberapa ekor ternakan sebagai korban. Upacara tersebut telah menimbulkan persoalan di kalangan netizen di laman sosial berkenaan kewajaran upacara tersebut kerana ianya bertentangan dengan syariat Islam. Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Pairin Kitingan, menjelaskan bahawa upacara tersebut dilakukan berdasarkan kepada adat dan kepercayaan tradisi masyarakat pagan Kadazandusun.

Amalan memberikan binatang ternakan bagi menggelakkan berlakunya malapetaka akibat perbuatan pelanggaran adat menjadi satu identiti kepada Mahkamah Anak Negeri Sabah yang dikenali sebagai sogit. Sogit adalah perkataan dari etnik Dusun yang bermaksud “menyejukkan” (Low Kok On, 2005, Herman J. Luping, 2009). Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri 1995) mentafsirkan sogit sebagai penalti adat yang berdarah (customary haematic penalty). Berdasarkan Kaedah tersebut sogit perlu dibayar dalam bentuk binatang ternakan iaitu babi, kambing, kerbau atau unggas (ayam). Berdasarkan penelitian fail kes di Mahkamah Anak Negeri yang dikaji, sogit juga dikenakan kepada masyarakat anak negeri Sabah yang beragama Islam. Sogit tersebut perlu diberikan dalam bentuk fizikal binatang ternakan tersebut ataupun dibayar dengan harga pasaran binatang

ternakan tersebut. Sogit tersebut perlu diberikan kepada pihak yang terkilan untuk tujuan perdamaian. Namun terdapat sesetengah kes, yang mana sogit tersebut perlu diberikan kepada ketua kampung untuk diagihkan kepada masyarakat setempat bagi menggelakkan “kepanasan kampung”. Anggapan dan kepercayaan ini masih lagi menjadi pegangan kepada Mahkamah Anak Negeri dalam mengawardkan sogit kepada pihak-pihak. Contoh peruntukan berkenaan sogit kepanasan kampung ialah penlanggaran adat berkenaan persetubuhan haram (mianu-anu) Kaedah 10, Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri) 1995.

Persoalannya, apakah hukum pemberian atau pembayaran sogit juadakah pembayaran sogit oleh anak negeri yang beragama Islam, sama ada dalam bentuk fizikal binatang atau wang, dibenarkan oleh fiqh? Apakah perbuatan tersebut mempunyai hubung kait dengan akidah Islam. Persoalan ini amat kritikal untuk dijawab terdapat elemen syirik dalam konsep dan amalan sogit yang diamalkan di Mahkamah Anak Negeri. Persoalan ini bukanlah suatu yang mudah untuk di rungkai kerana sogit telah begitu sinonim dengan Mahkamah Anak Negeri dan menjadi satu instrumen yang kukuh dalam menjadi medium perdamaian kepada pihak-pihak. Apakah sogit ini boleh diterima oleh Islam bagi dikuatkuasakan kepada anak negeri Sabah yang beragama Islam?

Artikel ini merungkai permasalahan amalan sogit melalui temu bual separa berstruktur terhadap ketua-ketua Pejabat mahkamah Anak Negeri yang terpilih, analisis kes terhadap fail kes yang telah dikaji dan analisis kandungan terhadap undang-undang semasa dan kitab fiqh yang berkaitan. Artikel ini akan dibahagikan kepada tiga Bahagian iaitu Bahagian 1 berkenaan sogit dalam konteksnya dalam kepercayaan masyarakat pagan anak negeri Sabah dan amalannya di Mahkamah Anak Negeri; Bahagian ke 2 pula akan membincangkan kes-kes yang dikaji Penulis di Mahkamah Anak Negeri yang dilawati; dan bahagian ke 3 pula ialah bahagian analisis yang akan membincangkan sogit dari perspektif hukum syarak.

ANAK NEGERI SABAH

“Anak Negeri” adalah istilah yang digunakan secara meluas bagi merujuk kepada bumiputera Sabah. Oleh kerana itu, semua agensi-agensi kerajaan yang mentadbir hal ehwal bumiputera Sabah dinamakan dengan “Anak Negeri” seperti Mahkamah Anak Negeri, Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri Sabah dan Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah. Demikian juga dari aspek perundangan, semua perkataan “native” di dalam undang-undang negeri di tafsirkan secara harfiah ke dalam bahasa Melayu sebagai anak negeri.

Senario ini mempunyai hubung kait dengan sejarah awal kemasukan Sabah ke dalam Malaysia dan polisi Islamisasi dan Melayunisasi yang dijalankan oleh Kerajaan Sabah di bawah pemerintahan Tun Datuk Mustapha bin Datu Harun dan juga Datuk Harris Salleh (James F. Ongkili, 2001). Berdasarkan kajian James Ongkili, masyarakat bumiputera Sabah terutamanya di kalangan etnik Kadazandusun melihat penggunaan istilah “bumiputera” oleh pemerintah ketika itu sebagai percubaan menjadikan semua etnik di Sabah serumpun dengan bumiputera di Semenanjung Malaysia yang didefinisikan oleh bangsa Melayu. Demikian juga dengan istilah “peribumi” yang telah diperkenalkan oleh Datuk Harris Salleh dalam Buku Perangkaan Negeri Sabah tahun 1980 yang menghimpunkan semua etnik di Sabah sebagai Peribumi

bersama-sama dengan etnik dari Indonesia dan Filipina yang sudah menetap di Sabah. Isu ini telah menjadi kempen Datuk Seri Pairin Kitingan dalam kempen pilihan raya 1985 yang membawa kepada kejatuhan Kerajaan Harris Salleh (James F. Ongkili, 2001. Regina Lim, 2008). Oleh kerana itulah, istilah anak negeri dirasakan lebih sesuai bagi merujuk kepada bumiputera Sabah atau orang asal Sabah dengan mengekalkan identiti etnik-etnik tersebut.

Tidak sepertimana Sarawak, etnik yang menjadi anak negeri Sabah masih boleh diperdebatkan. Satu-satu rujukan terhadap tafsiran anak negeri Sabah ialah seksyen 2 Ordinan Tafsiran (Anak Negeri) 1952. Namun para sarjana melihat tafsiran ini terlalu fleksibel (Wu Min Aun:1999, M.B Hooker:1980,1976). Rentetan daripada tiada tafsiran yang jelas mengenai anak negeri Sabah, para sarjana mempunyai pendekatan yang berbeza dalam mengklasifikasikan anak negeri Sabah. Menurut M.B Hooker (1980), Anak Negeri Sabah boleh dibahagikan kepada dua kategori; (i) Anak Negeri asal Sabah, dan (ii) Orang yang mendapat hak sebagai Anak Negeri Sabah kerana berkahwin dengan Anak Negeri Sabah ataupun yang telah memenuhi kehendak tafsiran tersebut. Siti Aidah Lokin (2007) pula telah membahagikan anak negeri di Sabah kepada tiga iaitu (i) anak negeri Sabah yang asalnya beragama Islam seperti Brunei, Iranun dan Suluk, (ii) anak negeri Sabah yang bukan beragama Islam seperti Kadazandusun, Lotud, Lundayeh, Dumpas dan lain-lain dan seterusnya (iii) anak negeri Sabah yang baru memeluk Islam.

AMALAN PAGANISME MASYARAKAT AWAL ANAK NEGERI SABAH

Ketika memperoleh Borneo Utara daripada Kerajaan Brunei dan Kerajaan Sulu, Baron Overbeck dan Alfred Den Esquire pada tahun 1881, mereka mendapati sudah terdapat dua undang-undang atau *lex loci* di Borneo Utara (Sabah) (M.B Hooker: 1980,1976). Dua undang-undang tersebut ialah undang-undang adat anak negeri pagan anak negeri Sabah yang kebanyakannya tinggal di kawasan Pedalaman Sabah, dan undang-undang Islam bagi anak negeri Islam yang kebanyakannya tinggal di kawasan persisiran Pantai Barat dan Timur Sabah (M.B Hooker:1980,1976, Muhidin Yusin: 1990). Bagi anak negeri yang tinggal di kawasan persisiran Pantai Barat dan Timur Sabah, mereka menerima pengaruh Islam daripada Kerajaan Kesultanan Brunei dan Sulu. Namun demikian pihak kolonial lebih berminat kepada undang-undang adat pagan anak negeri Sabah dan merekodkannya dalam tujuh buletin kod adat anak negeri Sabah yang dilakukan oleh C.Cowley (M.B Hooker: 1980,1976, Herman J.Luping: 2009, Danny Wong Tze Ken, 2009).

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Herman J.Luping (2009) dan Jacqueline Pugh-Kitingan (2009), masyarakat Kadazan Dusun dan Murut mempunyai hubungan yang amat erat dengan semangat-semangat yang memelihara mereka. Secara umumnya, masyarakat pagan Kadazan Dusun mempercayai kewujudan Pencipta yang dikenali sebagai Minamangun. Bagi masyarakat Kadazan Dusun yang tinggal di kawasan Ranau, Minamangun diberi nama Kinorohingan. Bagi masyarakat Kadazandusun yang tinggal di daerah Penampang hingga daerah Papar pula, Minamangun dikenali sebagai kinoingan. Secara harfiah, ia membawa maksud yang Maha Agung Tuhan (Herman J. Luping, 2009 Low Kok On, 2003.Jacqueline Pugh-Kitingan, 2009).

Selain daripada mempercayai kewujudan Tuhan yang maha mencipta, masyarakat pagan Kadazan Dusun juga mempercayai kewujudan semangat yang baik seperti makhluk ghaib yang disebut Osundu. Osundu adalah makhluk spiritual yang diciptakan oleh Minamangun dan tinggal di tujuh lapisan bumi. Osundu juga merupakan pengantara di antara Bobolian atau bobohizan (ketua agama bagi masyarakat pagan Kadazan Dusun dengan Minamangun melalui rinait (bacaan doa atau syair). Tanpa bantuan Osundu, rinait yang dibaca oleh bobohizan atau bobolian tidak akan Osundu akan memberi pertolongan dan perlindungan kepada mereka. Sekiranya Osundu ingin membantu manusia yang disukainya, ia akan menjelma dalam bentuk binatang (Low Kok On, 2003).

Selain daripada kewujudan semangat yang baik, terdapat juga semangat jahat yang dikenali sebagai Ragon. Semangat jahat ini sinonim seperti syaitan yang sentiasa membawa kebinasaan kepada manusia. Ragon dipercayai tinggal di kawasan berbatu dan kawasan hutan dan akan menyerang manusia sekiranya kawasan mereka dimasuki atau diganggu (Low Kok On, 2003). Di samping tiga elemen ghaib tersebut, masyarakat pagan Kadazandusun juga mempercayai semangat padi atau dikenali Bambarayon. Dikatakan setiap keluarga atau sawah mempunyai satu bambarayon untuk menjaga tanaman padi mereka. Setelah tamat musim menuai atau keamatan semangat ini akan tinggal di bangsal (Low Kok On, 2003).

Oleh yang demikian, paganisme di kalangan masyarakat Kadazan Dusun seperti yang digambarkan oleh Owen Rutter dalam "The Pagans of North Borneo" yang bersifat cannibal semata-mata seperti memanggal kepala berbeza dengan kajian-kajian dijalankan kemudiannya. Jelasnya walaupun masyarakat pagan Kadazan Dusun tidak menganuti mana-mana agama utama di dunia, tetapi mereka mempunyai satu sistem kepercayaan (Herman J. Luping, 2009). Bukan setakat mempercayai elemen-elemen ghaib tersebut, tetapi juga mempunyai hubungan yang rapat sehingga semua perbuatan salah masyarakat setempat akan menyebabkan kemarahan semangat yang menjaga mereka. Bagi mengelakkan sebarang malapetaka atau kemurkaan semangat mereka, satu ritual pengorbanan perlu dijalankan (Low Kok On, 2003. Jacqueline Pugh- Kitingan, 2009. Herman J. Luping, 2009).

Sogit Dalam Masyarakat Pagan Anak Negeri Sabah: Perspektif Teoretikal

Sogit diambil daripada perkataan Dusun osugit yang bermaksud menyejukkan. Secara literal sogit bermaksud ganti rugi penyejuk dengan cara mengorbankan haiwan untuk menghindarkan ancaman buruk kuasa ghaib. Satu contoh amalan sogit bagi kesalahan berkahwin dengan sepupu yang terdekat atau persetubuhan haram ialah mereka mesti membayar sogit tiga ekor kerbau dan dihalau dari kampung tersebut selama-lamanya. Sekiranya sogit tersebut tidak diberikan, ditakuti Ragon atau roh jahat akan mengganggu pasangan tersebut serta membawa kerosakan kepada ternakan, tanaman dan kesihatan penduduk kampung tersebut (Low Kok On, 2003).

Amalan sogit di daerah Tambunan contohnya yang dipanggil sebagai monogit dilakukan di tepi sungai di bahagian yang paling tinggi di kampung. Bobolian akan menyembelih binatang yang dijadikan sogit dan membiarkan darah binatang tersebut mengalir ke dalam sungai bagi menyejukkan atau menyucikan kampung. Daging binatang itu kemudiannya akan dimasak dan dimakan oleh penduduk kampung di tempat sembelihan

tersebut. Daging tersebut tidak boleh dibawa pulang (Low Kok on:2003).

Kebanyakan kesalahan pelanggaran adat yang sering dijadikan ilustrasi dalam mana-mana literatur yang berkaitan sogit ialah kesalahan seksual dan kesusilaan. Sebagai contoh dalam tulisan Herman J. Luping (2009) dan Lok Kah On (2003), contoh yang digunakan ialah kesalahan sumbang mahram dan juga perkahwinan langkah bendul. Perkara ini mempunyai hubungan dengan imej masyarakat Kadazandusun dan juga etnik yang lain yang amat menjaga kesopanan dan keturunan mereka. Kesalahan seksual yang paling berat hukumannya ialah kesalahan sumbang. Berdasarkan adat tradisi masyarakat anak negeri Sabah, pesalah sumbang mahram selain daripada dikenakan sogit bagi menggelakkan kepanasan kampung, mereka juga akan dihalau dari kampung mereka dengan menghanyutkan mereka di atas sebuah rakit tanpa pendayung. Rakit tersebut akan diletakkan di atas sungai yang alirannya akan menghala kelaut. Manakala anak yang lahir daripada perbuatan sumbang tersebut mesti dibunuh (Low Kok On:2003).

PERUNTUKAN SOGIT DALAM KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH ANAK NEGERI (UNDANG-UNDANG ADAT ANAK NEGERI) 1995

Dalam konteks masyarakat moden anak negeri Sabah, sogit terus diamalkan sebagai satu instrumen perdamaian. Ia diperuntukkan dalam Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri) 1995 (selepas ini disebut sebagai Kaedah). Kaedah memperuntukkan berkenaan kesalahan pelanggaran adat, penaltinya dan pampasan lain termasuk sogit. Terminologi yang digunakan dalam Kaedah tersebut adalah dari bahasa Kadazan Dusun namun Kaedah 7 memberikan ruang kepada Ketua Daerah dan Ketua Anak Negeri yang menggunakan istilah-istilah yang biasa digunakan dalam daerah kawasan Mahkamah mereka.

Kaedah tersebut memperuntukkan 55 jenis perbuatan sebagai kesalahan pelanggaran adat. Kesalahan tersebut dibahagikan kepada 7 Bahagian mengikut jenis kesalahan pelanggaran adat, iaitu, i) serangan, hentaman dan kelakuan mengancam (4 kaedah), ii) kesalahan seksual (4 kaedah), iii) perkahwinan, pertunangan dan pikatan (8 kaedah), iv) tanah perkuburan dan kematian (10 kaedah), v) perangai buruk melampau, kelucahan dan khianat (22 kaedah), vi) mungkir janji (1 kaedah), vii) kelahiran dan pantang adat (3 kaedah). Berdasarkan kepada jumlah peruntukan dalam Kaedah tersebut, kesalahan berkenaan seksual adalah peruntukan yang paling banyak iaitu sebanyak 22 Kaedah.

Dari segi hukuman, Akta Mahkamah Anak Negeri (Bidangkuasa Jenayah) 1991 memperuntukkan, kesalahan-kesalahan tersebut boleh dihukum denda dengan tidak melebihi RM 5,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Selain daripada penalti tersebut, Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Anak Negeri) 1995 tersebut juga telah memperuntukkan pelbagai jenis denda adat seperti berikut;

- i. Babas bermaksud pemberian perdamaian mengikut adat pihak yang terkilan dan untuk mengekalkan perdamaian dan persahabatan).
- ii. Denda adat bermaksud sesuatu penalti yang dikenakan mengikut adat anak negeri atau adat tempatan di daerah di mana Mahkamah tersebut ditubuhkan.

- iv. Kepanasan kampung bermaksud denda adat berkenaan kesalahan terhadap kesucian dan keharmonian sesuatu kampung.
- v. Koimanan.
- vi. Kosoguluanan pampasan adat yang kena dibayar oleh seseorang yang berkahwin sebelum abang atau kakaknya.
- vii. Lapau.
- viii. Sogit

Kesemua denda adat tersebut perlu dibayar kepada pihak yang terkilan atau kepada yang wajar mengikut Mahkamah. Namun bagi sogit kepanasan kampung, binatang yang dijadikan sogit itu, perlu diserahkan kepada ketua kampung bagi membolehkan satu majlis dijalankan untuk mengorbankan binatang tersebut. Semua penduduk kampung hendaklah hadir dalam majlis tersebut dan daging binatang tersebut akan dibahagikan kepada setiap ketua rumah penduduk kampung berkenaan. Denda adat ini tidaklah termasuk dalam hukuman yang ditetapkan oleh Akta Bidang Kuasa Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991 iaitu denda maksimum RM 5,000.00 atau penjara tidak melebihi dua tahun (Empeni Lang, 1998, Herman J. Luping 2009). Ini kerana, denda adat tersebut bukanlah dibayar kepada kerajaan, tetapi kepada pihak-pihak dalam kes tersebut ataupun pada ketua kampung. Selain daripada itu, hukuman adat ini adalah satu instrumen perdamaian secara adat dengan memberikan pampasan kepada pihak yang terkilan. Berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Anak Negeri) 1995 tersebut, terdapat 3 kaedah hukuman terhadap tertuduh;

Membayar sogit atau apa-apa denda adat lain yang berbentuk haiwan ternakan kepada pihak yang terkilan, ATAU, sekiranya ingkar, membayar denda dalam bentuk wang atau pemenjaraan. Kaedah ini diaplikasikan dalam kebanyakan peruntukan berkenaan kesalahan pelanggaran adat.

- i. Membayar sogit atau apa-apa denda adat lain yang berbentuk haiwan ternakan kepada pihak yang terkilan DAN membayar denda dalam bentuk wang atau pemenjaraan. Contoh pemakaian kaedah ini ialah Kaedah 8 berkenaan perbuatan sumbang kadim. Hukuman yang ditetapkan ialah sogit tidak melebihi 3 ekor ternakan DAN Denda tidak melebihi RM 5,000 ATAU penjara tidak melebihi 24 bulan atau kedua-duanya sekali.
- ii. Membayar sogit atau apa-apa denda adat lain yang berbentuk haiwan ternakan kepada pihak yang terkilan DAN membayar denda dalam bentuk wang atau pemenjaraan DAN membayar kepanasan kampung kepada penduduk kampung. Contohnya Kaedah 10 berkenaan kesalahan persetubuhan haram di antara orang-orang yang belum berkahwin (mianu-anu), sekiranya sabit, hukumannya ialah sogit kepada pihak yang terkilan tidak melebihi 2 ekor ternakan DAN membayar kepanasan kampung DAN denda tidak melebihi RM 1,500 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau keduanya sekali.

Berdasarkan temu bual-temu bual yang telah dijalankan oleh Penulis terhadap beberapa orang Ketua Daerah dan Ketua Anak Negeri di Mahkamah Anak Negeri yang dilawati, sogit yang ditafsirkan sebagai penalti yang berdarah adalah merujuk kepada binatang ternakan yang

berdarah. Dalam erti kata lain, sogit tersebut mesti diberikan dalam bentuk fizikal binatang ternakan kepada pihak yang terkilan dan dalam sesetengah kes juga kepada penduduk kampung. Selain sebagai pampasan, pemberian sogit tersebut juga adalah satu simbolik bagi mengelakkan malapetaka berlaku di kampung berkenaan. Malapetaka ini disebut sebagai “kepanasan kampung” dalam undang-undang adat dan juga Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri) 1995. Hal ini diperakukan oleh semua responden yang telah ditemubual Penulis.

Binatang ternakan yang sering kali dijadikan sogit ialah babi, lembu, kerbau, kambing dan juga unggas (ayam, angsa atau itik). Para Ketua Daerah di sesetengah Mahkamah Anak Negeri dalam mengawardkan sogit, akan merujuk saiz binatang ternakan tersebut kepada umur binatang tersebut. Antara istilah yang sering digunakan dalam penghakiman di Mahkamah Anak Negeri ialah “kerbau dua kali beradik” atau “babi sekali beradik”. Namun terdapat juga Mahkamah Anak Negeri yang menilai binatang ternakan yang dijadikan sogit dengan harga pasaran semasa. Dalam erti kata lain, Ketua Daerahlah yang akan menentukan bagaimana sogit tersebut perlu diberikan kepada pihak yang terkilan dan penduduk kampung.

Bagi anak negeri Sabah yang beragama Islam, sogit berbentuk babi akan digantikan dengan binatang ternakan lain seperti kerbau, lembu ataupun kambing. Walaupun secara teorinya, sogit perlu diberikan dalam bentuk fizikal binatang ternakan tersebut, namun sogit tersebut boleh juga diberikan dalam bentuk wang mengikut harga pasaran binatang ternakan tersebut. Sekiranya sogit tersebut gagal diberikan kepada pihak terkilan, maka sogit tersebut akan digantikan dengan bayaran denda atau pemenjaraan.

Namun demikian terdapat juga beberapa kaedah yang menjadikan bayaran sogit kepanasan kampung sebagai satu yang mandatori. Kaedah 10 contohnya, memperuntukkan kesalahan persetubuhan haram sebagai berikut;

10(1) sesiapa pun jua yang melakukan persetubuhan haram dengan mana-mana orang yang bukan suami atau isterinya adalah melakukan pelanggaran undang-undang adat anak negeri mianu-anu dan boleh dikenakan:

- i. membayar kepada pihak yang terkilan sogit tidak melebihi 2 ekor ternakan atau barang-barang lain yang senilai dengannya mengikut denda adat; dan
 - ii. membayar kepanasan kampung; dan
 - (a) denda tidak melebihi 1500 ringgit; atau
 - (b) penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan; atau
 - (c) denda atau penjara kedua-duanya
- (2) Jika perenggan (i),(ii) atau (iii)(a) sub kaedah (1) diingkari, Mahkamah boleh mengenakan penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan.

(3) Apa-apa pembayaran kepanasan kampung di bawah kaedah ini hendaklah diberikan kepada Ketua Kampung yang akan mengagih penalti itu dengan kadar yang sama kepada ketua tiap-tiap keluarga yang biasanya bermastautin di kampung itu.

Berdasarkan Kaedah 10 tersebut pilihan yang ada kepada tertuduh sekiranya tidak mahu membayar sogit ialah pemenjaraan tidak melebihi 6 bulan. Di samping itu, Kaedah 10 tersebut memperuntukkan tertuduh perlu membayar sogit kepanasan kampung atas perbuatan salahnya kepada ketua kampung. Sogit tersebut akan diagih-agihkan kepada setiap ahli keluarga di dalam kampung tersebut bagi mengelakkan sebarang malapetaka atau untuk menyejukkan kampung tersebut daripada kepanasan. Perkara ini diperakui oleh semua responden yang telah ditemu bual. Ini menunjukkan, kefahaman dan amalan sogit sepertimana konteksnya dalam masyarakat pagan anak negeri Sabah masih lagi kukuh.

Dalam hal ini, Mufti Kerajaan Negeri Sabah, berpandangan sogit kepanasan kampung ke atas orang Islam adalah tidak dibenarkan. Ini kerana terdapat elemen syirik dan khurafat di dalamnya. Meskipun denda tersebut adalah sebahagian daripada undang-undang adat di Mahkamah Anak Negeri, ianya tidaklah boleh dianggap sebagai urf yang dibenarkan oleh hukum mengikut kaedah *al-addah al-muhakkamah*. Ini kerana hanya urf yang diiktiraf mengikut hukum ialah uruf yang tidak bercanggah dengan hukum dan akidah Islam. Namun dalam beberapa keadaan sogit kepanasan kampung ini wajar bagi tujuan dakwah. Berdasarkan pengalaman beliau, terdapat beberapa keadaan seseorang Islam yang berkahwin dengan orang bukan Islam perlu membayar sogit kepanasan kamoung untuk meredakan kemarahan penduduk kampung dan mengelakkan ancaman keselamatan yang lebih besar dari penduduk kampung.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggabungkan kajian undang-undang dan fiqh. Dua kaedah penyelidikan di lapangan telah dipilih iaitu penelitian fail kes dan temu bual separa berstruktur. Penulis telah menjalankan penyelidikan di tiga buah Mahkamah Anak Negeri iaitu Mahkamah Anak Negeri Kota Kinabalu, Penampang, dan Keningau. Semua fail kes di ketiga-tiga Mahkamah tersebut dipilih melalui pensampelan bertujuan iaitu hanya kes yang melibatkan orang Islam sahaja yang dikaji. Di samping itu, penulis juga telah menjalankan temu bual separa berstruktur terhadap Ketua Daerah di Mahkamah Anak Negeri yang dilawati dan juga Mufti Kerajaan Negeri Sabah. Seramai lima orang Ketua Daerah telah ditemu bual dengan menggunakan set soalan yang sama.

PEMAKAIAN SOGIT KE ATAS ANAK NEGERI YANG BERAGAMA ISLAM DI MAHKAMAH ANAK NEGERI SABAH: ANALISIS KES

Daripada tiga buah Mahkamah Anak Negeri yang dilawati, terdapat 26 kes melibatkan kes pelanggaran adat. Daripada jumlah tersebut, 14 kes adalah melibatkan orang Islam seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Sebanyak 10 kes yang melibatkan orang Islam sebagai defendan, 1 orang sebagai pengadu atau plaintif dan 3 kes melibatkan kedua-dua pihak yang beragama Islam.

Pemakaian Sogit Ke Atas Anak Negeri Yang Beragama Islam Di Mahkamah Anak Negeri Sabah: Analisis Kes

Daripada tiga buah Mahkamah Anak Negeri yang dilawati, terdapat 26 kes melibatkan kes pelanggaran adat. Daripada jumlah tersebut, 14 kes adalah melibatkan orang Islam seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Sebanyak 10 kes yang melibatkan orang Islam sebagai defendan, 1 orang sebagai pengadu atau plaintif dan 3 kes melibatkan kedua-dua pihak yang beragama Islam.

Jadual 1
Kes Pelanggaran Adat yang Melibatkan Orang Islam Mengikut MAN

MAHKAMAH	PIHAK-PIHAK BUKAN ISLAM	KES YANG MELIBATKAN ORANG ISLAM			JUMLAH
		PENGADU	DEFENDAN	KEDUA-DUA PIHAK	
KOTA KINABALU	3		1		4
PENAMPANG	4		8		12
KENINGAU	5	1	1	3	10
JUMLAH	12	1	10	3	26

Jadual 2 pula menunjukkan ringkasan 4 kes yang melibatkan orang Islam dan dikenakan sogit kepanasan kampung:

Jadual 2
Senarai Kes Yang Melibatkan Orang Islam

NO. KES DAN KAEDAH KESALAHAN	PLAINTIF	DEFENDAN	FAKTA DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH
A-119/16 Kaedah 10. (Mianu-anu) dan Kaedah 18 (Melarikan isteri orang) Penampang	P: Suami beragama Kristian	D1D1: Kadazan Muallaf D2: Muslim	P dan D2 telah berkahwin di JPN Penampang pada 28.12.2004. Mereka memperoleh 3 orang anak hasil perkahwinan mereka. P telah mendakwa bahawa isterinya telah berlaku curang dengan seorang lelaki Islam (D2) dan kemudiannya telah lari mengikut D2 untuk tinggal bersama di Kg Pomonsukan di Kudat. Dalam keterangan D2, dia tidak mengetahui bahawa D1 adalah isteri orang sehingga mereka ditangkap Polis di Kota Kinabalu atas kesalahan membawa lari isteri orang. Selepas ditangkap Polis dan selepas D2 mengetahui D1 adalah isteri kepada P, D2 dan D1 tetap tinggal bersama kerana D1 memberitahu D2 bahawa D2 dan P dalam proses untuk bercerai. Dalam keterangan D1, P sering mabuk dan selalu memukul D1 ketika P mabuk. D1 dan D2 disabitkan atas pengakuan salah mereka dan bukti yang ada (repot polis, gambar tangkapan dan keterangan P) Held: D1 dan D2 didapati bersalah atas dua kesalahan Kaedah 10 D1 dan D2 telah dikenakan hukuman i. Membayar pihak terkilang sogit 2 ekor temakan (RM 5,000). ii. Kepanasan kampung (RM 2,500) iii. Denda mahkamah (RM 1,500) iv. sogit untuk 3 orang anak P iaitu 1 ekor babi (RM 500) dan semuanya berjumlah RM 9,500. Jumlah denda tersebut dibayar secara berkongsi antara

D1 dan D2 seperti ketetapan berikut;
D1: RM 3,325.00
D2: RM 6,175.00

Bagi kesalahan kedua, D2 telah dikenakan sogit 3 ekor ternakan kpd pihak yang terkilan (RM 7,500)

Post-trial: D2 telah merayu untuk dikurangkan sogit kerana telahpun dikenakan sogit 2 ekor ternakan di MAN Kota Marudu (RM 5,000). Rayuan dibenarkan dengan sogit dikurangkan kpd 1 ekor ternakan sahaja (kurang RM 2,500). Oleh kerana jumlah denda yang perlu dibayar oleh D1 dan D2 untuk kedua-dua kesalahan ialah RM 14,500 sahaja.

J-102/16

P: Kadazan tidak beragama Islam
D1 : Kadazan beragama Islam (muallaf)
D2 : Kadazan beragama Islam

P telah mengadu bahawa D1 iaitu suaminya telah melakukan hubungan sulit dengan D2. Aduan tersebut adalah berdasarkan maklumat sahabat-sahabat P, pesanan ringkas D2 kpd D1 dalam HP D1 dan intipan P. D1 dan D2 mengaku ada melakukan persetubuhan haram tersebut malah D1 dan D2 bersedia menerima apa jua hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah mendapati D1 dan D2 salah di bawah Kaedah 10 dan dihukum seperti berikut;
D1: Dikenakan sogit kpd pihak terkilan 2 ekor ternakan (RM 5,000) dan kepanasan kampung seekor ternakan (RM 2,500) dan penalty RM 800. Sekiranya ingkar membayar denda tersebut penjara selama 6 bulan.

239/2013

P: Sino Kadazan (Suami kpd D1)
D1: Isteri kepada P
D2: kekasih P

D2: membayar penalti RM 700.00 dan jika ingkar denda selama 1 bulan.

P dan D1 telah berkahwin secara adat dan telah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negera Penampang. P telah memfailkan aduan terhadap D1 dan D2 atas 3 kesalahan

- Mengahwini isteri orang (*solod*)
- Melahirkan anak dengan lelaki lain
- berkahwin dengan lelaki lain

Untuk kesalahan pertama D2 mengaku salah. Ini telah dibuktikan dengan Majlis Makan Adat D1 dan D2 yang diadakan pada 14.7.2012. Surat Keterangan Kahwin telah dikeluarkan oleh MAN Beluran pada 16/10/2012 dengan no. daftar 63/2012

- Seterusnya D1 mengaku salah atas kesalahan kedua dengan bukti D1 telah melahirkan anak pada 9.1.2013 dan D1 mengaku bahawa anak tersebut adalah anak D1 dengan D2.

- Seterusnya D1 mengaku salah atas kesalahan ketiga.

Berdasarkan kepada keterangan dokumentasi dan saksi serta pengakuan salah D1 dan D2, Mahkamah mensabitkan kesalahan D1 dan D2 atas tiga kesalahan iaitu i) Kaedah 9(1)(3)(i) dan (iii) ii) kaedah 10(i)(ii)(iii)(A) dan iii) Kaedah 20(1)(i) dan dihukum seperti berikut;

D2 dikenakan sogit 3 ekor ternakan Kpd P yang bernilai RM 4,500

D1 dan D2 juga dikehendaki membayar sogit 2 ekor ternakan kerbau yang bernilai RM 3,000 kpd P dan

membayar kepanasan kampung 1 ekor kerbau kepada Ketua Kampung dan denda sebanyak RM 1,500. D1 diperintahkan membayar lapau 1 ekor kerbau kepada P dan sogit 1 ekor babi utk setiap seorang anaknya. Penjagaan anak diserahkan kepada D1

P membuat aduan bahawa D2 telah hamil akibat perbuatan persetubuhan haram dengan D1. D1 mahu mengambil D2 sebagai isterinya. P juga telah membuat laporan Polis kerana D1 telari mengambil D2 daripada jagaan P. Hal ini telah dipanjangkan ke MUIS oleh P namun belum ada tindakan dan atas nasihat diberikan oleh MUIS. P telah menuntut Rm 50,000 belanja hangus (belanja dapur) dan juga berian serta 2 ekor kerbau sebagai sogit untuk perkahwinan mereka.

Dalam keterangan D1, pada awalnya D1 tidak mengaku telah "mengambil" D2 tetapi hanya "menjemput". Mahkamah telah memberi penerangan kepada D1 bahawa istilah "menjemput" tidak sesuai dalam kes ini kerana perbuatan tersebut disertai dengan perbuatan seksual. Oleh kerana itu perbuatan D1 tersebut adalah "mengambil" dan bukannya "menjemput". Atas penerangan tersebut, D1 mengaku salah.

Manakala D2 pula mengaku bahawa telah memeluk Islam pada 28.7.2011 dan telah didaftarkan di JHEAINS.

Held: Mahkamah menerima semua keterangan P dan mensabitkan D1 dan D2. D1 telah dikenakan sogit *mianu-anu* yang mesti diberi kepada P, **Kepanasan kampung dibayar kepada ketua kampung RM 1500.00**, Penalti RM 1,000.

D2 pula penalti RM 500 dan memikat dan membawa lari anak dara dan tidak memberitahu penjaga sogit RM 3,000.

Kedudukan Sogit Dalam Fiqh: Satu Analisis Hukum

Berdasarkan kepada perbincangan ini, hanya sogit kepanasan kampung sahaja yang relevan untuk dibincangkan daripada perspektif hukum. Ini kerana sogit-sogit yang lain, hanya perlu dibayar kepada pihak yang terkilan ataupun yang berhak mengikut pandangan Mahkamah. Namun, sogit kepanasan kampung perlu diberikan kepada ketua kampung untuk disembelih dan diagihkan kepada penduduk kampung dalam satu majlis khas. Matlamat majlis tersebut adalah untuk menyejukkan kampung atau menjauhkan mala petaka terhadap penduduk kampung akibat satu pelanggaran adat. Persoalannya apakah orang Islam boleh memberikan binatang sogit untuk dikorbankan dan terlibat dalam majlis tersebut dari perspektif hukum.

Islam adalah agama tauhid. Banyak ayat al Quran dan Hadith yang melarang perbuatan menyekutukan Allah. Antara perbuatan syirik besar yang sering dibincangkan oleh ulama' ialah meminta bantuan selain daripada Allah dan membuat penyembelihan selain untuk Allah (Abdul fatah Haron Ibrahim, 2002, Ismail Awang, 1992). Dalam Kitab Fathul Majid sembelihan selain daripada Allah bermaksud sembelihan bagi yang menyebut nama Allah atau bukan tujuan ibadah sama ada sebelum penyembelihan atau selepasnya. Demikian juga dengan makanan atau minuman yang dinazarkan selain daripada Allah seperti penyembelihan untuk kubur atau berhala adalah dilarang dalam Islam. Perbuatan tersebut dilaknat oleh Allah sebagaimana hadith Rasulullah yang maksudnya; "Allah melaknat mereka yang menyembelih kerana lain dari Allah. Allah melaknat mereka yang melaknatkan ibu bapanya. Allah melaknat mereka yang membantu bid'ah. Allah melaknat orang yang mengubah sempadan tanah" Perbuatan menyembelih binatang selain daripada Allah juga adalah amalan masyarakat arab jahiliah sebelum kedatangan Islam. Sembelihan tersebut adalah untuk memuja berhala-berhala yang mereka sembah dan juga untuk menghalau jin atau semangat jahat terutamanya semasa memasuki rumah baru. Dalam surah al an'am ayat 118 pula, Allah telah berfirman yang bermaksud; "Maka makanlah binatang-binatang yang disembelih dengan nama Allah jika kamu (benar-benar) orang yang beriman (Kepada Allah)"

Allah amat melarang perbuatan syirik. Dalam surah An Nisa ayat 116, Allah telah berfirman yang mafhumnya; "Sesungguhnya Allah tidak mengampuni orang yang syirikkan denganNya akan sesuatu, tetapi Allah mengampuni terhadap dosa selain daripadanya bagi orang yang dikehendakiNya. Sesiapa yang syirik akan Allah sesungguhnya itu suatu kesesatan yang amat jauh"

Berdasarkan huraian ringkas ini, jelaslah bahawa amalan memberikan sogit untuk menyejukkan kepanasan kampung akibat satu perbuatan pelanggaran mempunyai elemen spiritual masyarakat pagan anak negeri Sabah dahulu kala. Oleh kerana itu, amalan memberikan sogit adalah suatu yang tidak bersesuaian dengan akidah Islam. Memandangkan sogit kepanasan kampung adalah sebahagian daripada undang-undang adat di Mahkamah Anak Negeri, apakah ia boleh dianggap sebagai adat atau urf mengikut hukum syarak bagi dilaksanakan kepada anak negeri yang beragama Islam.

Menurut Muhammad Jabran al-Alafi (1988), terdapat dua elemen sebelum sesuatu amalan tersebut boleh dianggap sebagai 'urf ; elemen dalaman dan elemen luaran. Elemen dalaman adalah tanggapan dan pemikiran seseorang dalam masyarakat untuk perlu terikat dengan amalan tersebut. Manakala elemen luaran pula merujuk kepada perkara-perkara fizikal yang menjadikan amalan tersebut diamalkan secara konsisten dalam sebuah masyarakat, telah lama wujud dan konsisten sehingga akan berlaku kesusahan sekiranya sesebuah masyarakat tidak mengamalkan adat itu lagi.

Oleh yang demikian, sesuatu amalan adat tersebut boleh dijadikan sebagai sumber hukum sekiranya memenuhi syarat-syarat atau berikut (Md Salleh bin Haji Md. @ haji Ahmad, 2000, Mohammad Akram Laldin, 2006, Wahbah Zuhaili 1997,1998, Abdul Karim Ali, 1999);

- i. 'Urf tersebut mestilah menjadi budaya yang diamalkan oleh masyarakat berkenaan secara konsisten sejak dahulu lagi. Amalan tersebut tidak berubah-ubah dalam waktu yang singkat;
- ii. 'Urf tersebut mestilah wujud sebelum sesuatu isu yang berkaitan ditimbulkan. Dalam erti kata lain, amalan tersebut bukanlah direka-reka atau baru diadakan bagi menyelesaikan isu yang dihadapi;
- iii. Semua pihak yang berkaitan mestilah jelas berkenaan amalan tersebut;
- iv. 'Urf tersebut tidak bercanggah dengan nas syarak ataupun mana-mana prinsip syariah dari sumber yang disepakati para fuqaha.

Dalam erti kata lain, bukan semua adat boleh dijadikan sebagai sumber hukum atau undang-undang mengikut Islam. Dalam hal ini, Ismail Mat (1986) telah memetik pandangan Abu Samah dalam kajiannya bahawa syarat-syarat 'urf yang boleh berkuat kuasa mengikut Syariah ialah;

- i. adat tersebut mesti berterusan,
- ii. 'urf tersebut mestilah umum pemakaiannya di seluruh dunia. Namun Ibn Abidin berpandangan boleh 'urf disesebuah kawasan boleh digunakan sebagai sumber hukum sekiranya tiada hukum berkenaan di dalam mana-mana nas syarak,
- iii. Tidak boleh bertentangan dengan Quran dan Hadith,
- iv. Adat itu mesti telah wujud sebelum timbulnya masalah,
- v. 'Urf itu mesti dianggap oleh masyarakat sebagai satu tanggungjawab untuk dilaksanakan

Berdasarkan kepada syarat-syarat atau elemen ‘urf tersebut, ‘urf boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan mengikut skop perbincangan (Noor Haslina binti Osman, 2004, Ahmad Sufyan Che Abdullah & Ab Mumin Ab Gani, 2008, Wahbah Zuhaili 1997,1998).

- i. Pembahagian mengikut bentuk praktik: Adat dibahagiakan kepada dua iaitu Urf al-Amali (Adat mengikut amalan) dan dan ‘Urf al-Qauli (Adat mengikut perkataan). Urf al-Amali adalah adat atau amalan yang dilakukan oleh sesebuah masyarakat dan menjadi kebiasaan. Manakala ‘Urf al-Qauli, ialah adat yang yang difahami melalui perkataan kebiasaan sesebuah masyarakat. Sebagai contoh, amalan sebuah masyarakat yang merujuk perkataan daging kepada daging lembu sahaja dan tidak kepada daging lain.
- ii. Pembahagian mengikut skop liputan: Dari aspek ini, urf’ dibahagikan kepada ‘Urf al-Am (adat yang umum) dan ‘Urf al-Khas (adat yang khas). ‘Urf al-Am adalah adat yang diamalkan secara universal oleh masyarakat di dunia. Manakala, ‘Urf al-Khas pula adalah adat yang hanya terpakai dalam kumpulan atau peringkat kumpulan tertentu sahaja.
- iii. Pembahagian mengikut kesahan Syarak: Dalam kategori ini, ‘urf dibahagikan kepada Urf al-Shahih (adat yang sah mengikut hukum syarak) dan ‘Urf’ al-Fasid (adat yang terbatal mengikut hukum syarak). ‘Urf al-Shahih ialah adat yang diamalkan selaras atau tidak bercanggah dengan nas syarak dan adat sedemikian diiktiraf sebagai adat yang boleh digunakan mengikut ulama fuqaha. Manakala ‘Urf al-Fasidah pula ialah adat yang sama ada dari segi perbuatan atau perkataan adalah bercanggah dengan nas syarak. Adat dalam klasifikasi ini tidak boleh dijadikan sandaran hukum dan tidak boleh diamalkan oleh orang Islam

Adat atau disebut juga sebagai “urf” dalam perundangan Islam. Terdapat perbincangan mengenai perbezaan adat dan “urf” namun pada majoriti fuqaha berpandangan bahawa adat atau uruf ialah satu amalan manusia sama ada perbuatan atau perkataan yang diamalkan secara sukarela dan diwarisi sejak dahulu kala tanpa putus (Mohd Salleh Haji Ahmad: 1999, Hafiz Abdul Gani:2011).

Terdapat satu kaedah fiqh iaitu “adat dijadikan sebagai rujukan hukum” (Al Addah Muhakkamah) yang menjadikan adat sebagai satu sumber hukum MELAINKAN terdapat nas yang melarang amalan adat tersebut. Namun menurut fuqaha, hanya adat sah sahaja yang boleh dianggap sebagai undang-undang. Menurut Mohd Salleh Haji Ahmad (1999) adat sah ialah adat yang tidak menghilangkan masalah mu’tabar, tidak membawa kepada mafsadah rajihah, tidak menghalalkan yang haram dan tidak membatalkan yang wajib. Oleh kerana itu, mana-mana adat yang bercanggah dengan hukum syarak adalah adat fasid yang tidak boleh dijadikan sumber hukum. Melihat kepada perbincangan urf ini, sogit kepanasan kampung tidak bertepatan dengan akidah Islam kerana terdapatnya elemen syirik. Oleh kerana itu, sogit kepanasan kampung boleh dikategorikan sebagai adat yang fasid.

PENUTUP

Berdasarkan kepada artikel ini, sogit kepanasan kampung adalah satu amalan tradisi masyarakat pagan anak negeri Sabah yang masih diamalkan di Mahkamah Anak Negeri. Tidak dinafikan dalam konteks moden, sogit telah dilihat sebagai satu instrumen perdamaian sekiranya berlaku pelanggaran adat. Namun bagi sogit kepanasan kampung, elemen spiritual seperti konteksnya dalam masyarakat pagan anak negeri, masih jelas kukuh. Oleh kerana masyarakat anak negeri Islam adalah subjek di mahkamah Anak Negeri, satu pendekatan khusus dilakukan bagi membolehkan orang Islam di hukum di Mahkamah Anak Negeri tanpa menjejaskan konsep tauhid mereka. Apatah lagi, Islam adalah agama bagi Negeri Sabah, adalah wajar isu ini diambil perhatian agar maqasid syariah untuk menjaga agama dapat dicapai.

Bagi tujuan tersebut, satu fatwa perlu dikeluarkan oleh Pejabat Mufti Negeri Sabah bagi memberikan penjelasan kepada masyarakat berkenaan amalan sogit di Mahkamah Anak Negeri dan hukum penguatkuasaannya kepada anak negeri yang beragama Islam. Mengeluarkan fatwa dan irsyad bagi mengaturkan urusan agama orang Islam di Sabah bukanlah suatu yang baharu dalam pelik dalam konteks Malaysia (Tamir Moustafa, 2013). Di Mahkamah Anak Negeri satu kaedah perlu dibuat bagi menggantikan sogit kepanasan kampung seperti menambah jumlah denda kepada pihak yang beragama Islam.

RUJUKAN

- Abdul Karim Ali. (1999). Nilai-nilai Semasa dan Setempat Dalam Penentuan Hukum: Satu Perbincangan Awal. *Jurnal Syariah*, 1(7), 97-103.
- Abdul Fatah Haron Ibrahim (2002). "Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Kebatinan". Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ahmad Sufyan Che Abdullah & Ab Mumin Ab Gani. (2008). 'Urf dan Justifikasinya Dalam Analisis Hukum Fiqh al- Mualamat. *Jurnal Syariah*, 2(16), 393-428.
- Anita Nasirin (2007), Konflik Bidang Kuasa Mahkamah Anak Negeri dan Mahkamah Syariah (Unpublished master's dissertation) University of Malaya, Kuala Lumpur.
- C.G Weeramantry (2001). "Islamic Jurisprudence an International Perspective". Kuala Lumpur: The Others Press.
- Ismail Awang (1992). "Pantang Larang Melayu yang Bertentangan Dengan Akidah Islam". Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Ismail Mat. (1986). Pemakaian Kaedah Antropologi dan Sains Perundangan Islam Dalam kajian dan Penilaian Kes Undang-Undang Adat. *Isla`miyy`at* 7, 13-37.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2011), "Dasar Akidah Muslim". Johor Baharu: Penerbitan UTM.
- Ken, D. W. T. (2009). Woolley and The Codification of Native Customs in Sabah. *New Zealand Journal of Asian Studies*, 11(1), 87-105.
- James F. Ongkili (2003). The Problems of Kadazan Dusun Bumiputeraism: Promises, Privileges and Politics. *Jurnal Kajian Malaysia*, Vol. XXI, No. 1 & 2. m.s 197-209.
- Jacqueline Pugh-Kitingan (eds) (2012). "Kadazan Dusun" Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

- Herman J. Luping (2009). "Indigenous Ethnic Communities of Sabah, The Kadazan Dusun". Kuala Lumpur: Kementerian Maklumat, Komunikasi, dan Kebudayaan Malaysia.
- Kntayya Mariappan & Paul Porodong (eds) (2012). "Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain Di Sabah". Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Low Kok On (2005). "Membaca Mitos dan Lagenda Kadazandusun". Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md. Saleh bin Haji Md. @ Haji Ahmad. (2000). "Urf dan Adat Semasa di Malaysia sebagai Asas Penentuan Hukum yang Tidak dinaskan. In R. A. Paizah Hj. Ismail (Ed.), Fiqh Malaysia, Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini (pp. 99-126). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohammad Akram Laldin. (2006). Introduction to Shariah and Islamic Jurisprudence. Kuala Lumpur: CERT Publication.
- Mohd Salleh Haji Ahmad (1999), "Pengantar Syari'at Islam". Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Muhiddin Yusin (1990). "Islam Di Sabah". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M.B Hooker (1980). "Native Law in Sabah and Sarawak" Singapore: Malayan Law Journal.
- M.B Hooker (1976). "The Persenol Laws of Malaysia, An Introduction". Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Muhammad Jabran al-Alafi (1988)"al-Urf: Bahth Fiqhi Muqaran, Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami, Juz.4, Bil 5, Al, Dawrah al-Khamisah.
- Mohamed Azam Mohamed Adil (1994). Pengaruh Adat Arab dalam Perundangan Islam" Jurnal Syariah Jilid 2, Bil.2. m.s 1-9.
- Mosli Tarsat (2009). Kerelevanan dan Prospek Jawatan Ketua Anak Negeri di Sabah: Satu Perspektif Sejarah. Sosiohumanika. Bil 2(2). M.s 227-250.
- Noor Haslina Binti Osman. (2004). Adat Melayu Sebagai Sumber Hukum: Penilaian Dari Perspektif Teori al-'Urf wa al-'Adah. (Sarjana), Universiti Malaya.
- Othman Ishak (2003). "Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat". Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peter R. Phelan., (2003). "The Traditional Legal System of Sabah". Kota Kinabalu, Malaysia: Pusat Kajian Borneo Yayasan Sabah.
- Regina Lim (2008). "Federal-State Relations in Sabah, Malaysia". Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Saidatul Nornis Mahali & Budi Anto Mhd Tamring (eds) (2011). "Pluraliti Dalam Kearifan Lokal Di Sabah" Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Aidah Hj. Lokin (2007), "Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)". Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Tamir Moustafa (2013). Judging in God's Name: State Power, Secularism, and the Politics of Islamic Law in Malaysia. Oxford Journal of Law and Religion, Vol.3, No.1. m.s 152-167.
- Wahbah al-Zuhaiyli. (1997). Fiqh al-Islami wa Adilatuhu. Beirut: Dar al-Fikr.
- Wahbah az-Zuhaili. (1998). Usul al-Fiqh al-Islami' (2nd ed. Vol. 1). Damsyik: Darul al-Fikr.
- Wu Min Aun (eds)(1999) "Public Law In Contemporary Malaysia". Kuala Lumpur: Longman